

**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 91/2019**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**


**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan
kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I (B.3)
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang-bidang seperti berikut atau yang bersesuaian:

- Kejuruteraan Robot / Mekatronik (*Robotics / Mechatronics*).
- Kecerdasan pembuatan / analitik data (*Artificial Intelligence / Data Analytics*).
- Kejuruteraan Bahan (*Materials Engineering*).
- Kejuruteraan Mekanikal (*Mechanical Engineering*).
- Kejuruteraan Electrikal dan Elektronik (*Electrical and Electronics Engineering*).
- Pemodelan dan Simulasi (*Modelling and Simulation*).
- Pembentukan dan Integrasi Sensor (*Sensors Development and Integration*).
- Rekaan Produk (*Product Design*).

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam berikut:
- i. Peperiksaan Jabatan (jika ada).
 - ii. Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan.
 - iii. Peraturan-Peraturan Kewangan.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:


1. Mengetuai satu atau lebih Kluster Kaji Selidik sebagai Ketua Kluster.
2. Membimbing projek-projek kaji selidik sebagai Penyelidik Utama dan memberikan bimbingan kepada pegawai dan kakitangan dalam pasukan penyelidik sendiri termasuk pengurusan sehari-hari projek.
3. Mengetuai perundingan terma dan syarat kontrak bagi projek-projek kaji selidik berbentuk usahasama.
4. Melaksanakan dan membimbing pegawai dan kakitangan bawahan dalam pelaksanaan kaji selidik di dalam makmal dan di dalam dan luar pejabat.
5. Melaksanakan dan mewakilkan pegawai dan kakitangan bawahan dalam pengumpulan dan menganalisa data, membuat laporan projek dan pembentangannya.
6. Menyediakan dan membimbing pegawai dan kakitangan dalam penyediaan cadangan penyelidikan dengan skop yang berkaitan dengan sains dan teknologi, keperluan sumber, kewangan dan jadual yang berpatutan.
7. Menghasilkan penerbitan ilmiah, teknikal dan jurnal.
8. Membimbang pegawai dan kakitangan atas Kod Tatalaku Penyelidik termasuk etika penyelidik dan keselamatan dalam makmal.
9. Mengendalikan latihan dan woksyop bagi pegawai dan kakitangan atau pun orang awam dalam bidang kemahiran sendiri atau jika diperlukan oleh projek.
10. Membantu Pengarah dan Ketua Penyelidikan dalam pengurusan sumber penyelidikan dan perkembangan jabatan termasuk pengurusan sumber manusia, peralatan penyelidikan dan inventori perkakas-perkakas, belanjawan dan kewangan, pengurusan makmal, amalan piawaian dan pengurusan kolaborasi.
11. Berkomunikasi dan berhubungbaik dengan *stakeholders*, pihak berkepentingan dan penaja projek bagi memastikan keutamaan masing-masing telah dipertimbangkan.
12. Menyumbang kepada penambahbaikan proses yang berterusan dan dasar penyelidikan dan perkembangan jabatan dari semasa ke semasa.



13. Menyumbang kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif Sains dan Teknologi KEMENTAH dan ABDB dari semasa ke semasa.
14. Melaksanakan tugas-tugas seperti yang dikehendaki oleh pihak pengurusan P3ST dan KEMENTAH dari semasa ke semasa.

LAIN-LAIN KEPERLUAN

1. Melaksanakan, menyediakan dan membantu dalam perkembangan:
 - i. Rangka pelan bagi perkembangan sumber manusia dalam bidang kaji selidik.
 - ii. Cadangan strategi fokus utama dalam penyelidikan dan perkembangan sains dan teknologi pertahanan.
 - iii. Cadangan keperluan makmal sains dan teknologi yang tertentu.
 - iv. Cadangan strategi kolaborasi bersama pihak luaran.
2. Memenuhi keperluan kompetensi dan kemahiran seperti yang tersenarai dalam *matrix kompetensi* bagi Pegawai Penyelidik KEMENTAH.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian II

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah lengkap dan di muat naik ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply':

Kad pengenalan dan Lesen Memandu (Jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf



SIJIL Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN KELULUSAN** (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf



Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ("field") seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" di sebelah kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ("field"), sila tekan tanda "+add"/"tambah" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.

		Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
		BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	DEGREE.pdf
		Field			
		BUSINESS ADMINISTRATION			
		+ Add			

Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sepertimana kehendak skim dan seterusnya memastikan **SIJIL Kelulusan Tertinggi** yang diperolehi berserta **KELULUSAN TRANSCRIPT** (jika berkenaan) dan **PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "*Current Government Employee*"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).



My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee

Current Government Employee



	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	